

'Negara dalam keadaan baik'

Kerajaan pergiat usaha pastikan kestabilan, wujud ekosistem lebih kondusif

Kuala Lumpur: Kerajaan akan terus menggiatkan usaha memastikan negara terus stabil, di samping mewujudkan ekosistem yang kondusif dan mesra perniagaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan yang berterusan membaiki tatekelola, memerangi rasuah dan memberi tumpuan terhadap pelaburan bernilai tinggi, semakin berhasil dalam mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk lebih ramai rakyat.

"Syukur alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Allah jua, negara terus berada dalam keadaan yang lebih baik. Ekonomi negara menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dengan kadar 5.9 peratus pada suku kedua tahun 2024.

"Di samping itu, pemulihan

terkini ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat dan mata wang utama lain, bersama dengan kenaikan pantas FBM KLCI tahun ini, turut menunjukkan keyakinan pelabur.

"Ini menjadi bukti jelas bahawa dasar dilaksanakan Kerajaan MADANI telah membuahkan hasil positif, alhamdulillah," katanya sambil menambah negara kini antara destinasi pilihan untuk pelaburan global.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim semalam.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Kurangkan kos sara hid up

Sementara itu Anwar berkata, kerajaan menyedari angka pertumbuhan tidak bermakna jika hasilnya tidak melimpah kepada rakyat.

Justeru, beliau berkata, matlamat yang ingin dicapai menerusi rangka kerja Ekonomi MADANI adalah sosioekonomi masyarakat yang lebih saksama dengan pendapatan rakyat meningkat, mengurangkan kos sara hi-



Anwar menyampaikan sembah ucapan tahniah pada Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, semalam. (Foto BERNAMA)

dup dan memperluaskan jaringan keselamatan sosial.

"Kerajaan akan terus berusaha keras untuk meningkatkan akses kepada pendidikan bermutu, prasarana kesihatan dan perumahan mampu milik supaya rakyat menikmati kehidupan yang lebih selesa," katanya.

Mewakili kerajaan dan rakyat

jelata, Anwar turut merafak sembah mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong sempena Ulang Tahun Keputeraan Rasmi dan merafakkan doa ke hadrat Allah SWT semoga Seri Paduka dan Permaisuri Agong, serta seluruh keluarga dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya serta terus diberi ke-

afiatan dan penuh kedaulatan.

Beliau turut menyampaikan ucapan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sultan Ibrahim atas ihsan dengan hikmah dalam memayungi negara.

"Sesungguhnya sebagai Raja Berperlembagaan, peranan Ke bawah Duli Tuanku amat penting dalam memelihara kestabilan dan keharmonian negara. Ke bawah Duli Tuanku adalah payung perpaduan dan penaung keutuhan negara.

"Titah Ke bawah Duli Tuanku dalam menasihati kerajaan sering kali mencerminkan kebijaksanaan dan keprihatinan Ke bawah Duli Tuanku terhadap kebajikan rakyat jelata," katanya.

Anwar bagi pihak kerajaan dan seluruh rakyat turut mendoakan agar negara di bawah naungan Yang di-Pertuan Agong terus dilimpahi rahmat dan berkat, bebas daripada sebarang musibah dan kekal aman makmur sepanjang zaman.

"Semoga ikatan kasih sayang antara Raja dan rakyat terus utuh dari zaman ke zaman. Kerajaan dan rakyat sekalian juga memohon untuk menyembah ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Ke bawah Duli Tuanku," katanya.

BERNAMA